

SOALAN NO: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]
TARIKH : 10 OGOS 2017
SOALAN : 70

YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap kemajuan terkini pembinaan Hospital Bachok dan mengapa dengan jumlah kos sebanyak RM140 juta ia hanya mampu menyediakan kemudahan 76 katil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Hospital Bachok berjalan mengikut perancangan seperti yang dijadualkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku Agensi Pelaksana. Kontraktor yang dilantik telah pun memasuki tapak pada 27 September 2016 dan projek dijangka siap pada 23 September 2019 dengan tempoh pembinaan selama 36 bulan.

Kemajuan kerja Kontraktor sehingga 21 Jun 2017 adalah 8.46 peratus sebenar berbanding jadual 6.22 peratus iaitu awal 20 hari dan sehingga kini, kemajuan kerja ini mendahului sasaran unjuran kemajuan kerja yang telah ditetapkan oleh JKR. Pada masa sekarang, pihak Kontraktor sedang giat melaksanakan kerja-kerja asas dan struktur bangunan seperti kerja-kerja *piling*, *formwork* dan *rebar ground beam*.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan kos sebanyak RM140 juta bagi pembinaan Hospital Bachok yang berkapasiti 76 katil, projek ini dilaksanakan secara Konvensional Perunding. Sehubungan itu, kos sebanyak RM140 juta turut merangkumi kos pelantikan perunding, bayaran kepada pihak penyedia utiliti, Caj Wang Sumbangan Pembangunan (*Improvement Service Fund*) kepada Pihak Berkuasa Tempatan, kos *Goods and Services Tax* (GST) dan pembelian peralatan perubatan untuk kegunaan Hospital ini apabila beroperasi kelak.

Dengan mengambil kira kesemua perkara tersebut, kos pembinaan Hospital Bachok masih lagi relevan bagi pembinaan sebuah hospital dengan kemudahan 76 katil.

MAKLUMAT TAMBAHAN

A. Maklumat Asas Projek

Nama Projek	: Hospital Bachok
Kos Projek	: RM 140,996,300.00
Kementerian Pelanggan	: Kementerian Kesihatan Malaysia
Agensi Pelaksana	: Jabatan Kerja Raya Malaysia
Pegawai Penguasa	: Pengarah JKR Kelantan
Kaedah Pelaksanaan	: Konvensional Perunding
Kaedah Perolehan	: Tender Terhad
Keluasan Tapak Projek	: Anggaran dalam 22.89 Hektar
Kontraktor	: Aman Selama Sdn Bhd
No. Kontrak	: JKR/IP/CKUB/163/2016
Kos Kontrak	: RM 104,344,280.00
Surat Setuju Terima	: 13 September 2016
Tarikh Masuk Tapak	: 27 September 2016
Tempoh Pembinaan	: (156 minggu)
	27 September 2016 - 23 September 2019
Perakuan Siap Kerja	: 23 September 2019

B. Maklumat Pecahan Kos Projek

Kos Pembinaan Hospital	: RM98,438,000.00
Kos Pelantikan Perunding	: RM12,433,622.50
Bayaran kepada Utiliti	: RM1,352,519.00
Caj Wang Sumbangan Pembangunan	: RM3,044,140.00
Kos <i>Goods and Services Tax</i> (GST)	: RM5,906,280.00
Kos Pembelian Peralatan Perubatan	: RM15,350,000.00
Kos Supervision	: RM4,323,805.00